



Pelan Perancangan Strategik MBSA 2021-2025

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM



**PELAN PERANCANGAN STRATEGIK
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
2021-2025**

CETAKAN 2022

KANDUNGAN

Pendahuluan

- › Prakata 2
- › Ringkasan Eksekutif 8

Pengenalan

- › Latar Belakang 18
- › Pengisytiharan Bandar Raya 19
- › Pentadbiran 20
- › Yang Dipertua dan Datuk Bandar 21
- › Carta Organisasi 22
- › Demografi/Populasi 23
- › Keluasan Shah Alam/Guna Tanah 24
- › Perancangan dan Pembangunan 25
- › Seksyen 26
- › Pembahagian Zon MPP 27
- › Aset Majlis/Lesen Perniagaan 28

Hala Tuju Strategik MBSA

- › Pelan Strategik MBSA 29
- › Pelan Anti Rasuah (NACP) 29
- › *Sustainable Development Goals (SDGs)* 30
- › Pelan Tindakan Rendah Karbon 31
- › Pelan Tindakan Shah Alam Bersih 32

Strategi dan Formulasi Tindakan

- › Pelan Strategik: Tindakan 33
- › Teras 1:
Melaksanakan Tadbir Urus yang Cepak, Berkesan dan Berintegriti 34
- › Teras 2:
Pembangunan Persekitaran Mampan Ke Arah Bandar Rendah Karbon 53
- › Teras 3:
Kemakmuran Sosio Ekonomi 81
- › Teras 4:
Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif 86

Implementasi ke Arah Kejayaan

- › Mekanisme Pelaksanaan 92
- › Shah Alam dan Masa Hadapan 96

Pencapaian

- › Anugerah dan Pengiktirafan 97

Penutup

101

PRAKATA

BANDAR RAYA IMPIAN

MENJADIKAN SHAH ALAM SEBAGAI SEBUAH BANDAR RAYA IMPIAN BUKANLAH SATU TUGAS YANG MUDAH. NAMUN, DENGAN PERANCANGAN DAN USAHA YANG BERTERUSAN, SEGALA IMPIAN AKAN MENJADI KENYATAAN. 'IMPIAN' INI JUGA BUKAN MILIK DATUK BANDAR ATAU MBSA SELAKU PENTADBIR BANDAR RAYA SHAH ALAM, BAHKAN, IA MERUJUK KEPADA SELURUH WARGA YANG MENGHUNI BANDAR RAYA INI, TERMASUK PIHAK MAJLIS, PIHAK BERKEPENTINGAN (*STAKE-HOLDERS*), PARA PEMIMPIN MASYARAKAT, SERTA KOMUNITI SECARA KESELURUHANNYA YANG SEMUANYA MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN BANDAR RAYA SHAH ALAM.



Pelan strategik Majlis Bandaraya Shah Alam telah dibangunkan bagi merealisasikan **VISI - MENJADIKAN SHAH ALAM SEBUAH BANDAR RAYA YANG BERKUALITI, SEJAHTERA, KONDUSIF DAN TERUNGGUL** dan seterusnya **MISI - MENINGKATKAN TADBIR URUS MBSA SEBAGAI ORGANISASI YANG EFISYEN, EFEKTIF, KOMPETEN, DINAMIS DAN TERUS CEMERLANG**. Ia mengambil kira segala keperluan untuk memenuhi objektif pembangunan dan hala tuju MBSA. Pelaksanaan Pelan Strategik ini memberi tumpuan kepada keperluan pembangunan MBSA agar mencapai ciri-ciri kecemerlangan berikut:

- Melaksanakan Tadbir Urus yang Cepak, Berkesan dan Berintegriti
- Pembangunan Persekitaran Mampan Ke Arah Bandar Rendah Karbon
- Kemakmuran Sosio Ekonomi
- Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif

Melalui Pelan Perancangan Strategik, analisis cabaran luar yang dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti arus perubahan cabaran yang sedang dan dijangka berlaku di peringkat global, serantau dan negara yang mempunyai implikasi ke atas kehidupan rakyat Shah Alam dan juga seluruh komuniti Shah Alam. Ini merangkumi cabaran-cabaran serta impak terhadap keperluan pembangunan sosio-ekonomi, teknologi, alam sekitar dan keselamatan yang perlu diambil kira masa kini dan tahun-tahun yang mendatang. Analisis situasi dan keupayaan organisasi MBSA yang dibuat telah mengenalpasti status atau tahap keupayaan semasa dan jurang-jurang keupayaan yang perlu diatasi segera bagi mencapai visi yang telah ditetapkan.

Pelan Perancangan Strategik MBSA 2021-2025 merangkumi pembangunan teras-teras strategik dan rangkaian strategi utama bersama daya kepimpinan serta pengurusan strategi, sistem, serta strategi sokongan. Pelan Tindakan yang telah dihasilkan struktur, kemahiran dan pengalaman kerja, bertujuan untuk memastikan agar pelaksanaan rangkaian strategi dan program yang dirancang itu tepat dan menuju ke sasaran impak dan perubahan yang diharapkan.



Rangkaian strategi utama Pelan Perancangan Strategik MBSA 2021-2025 adalah:

T.1: Melaksanakan Tadbir Urus yang Cepak, Berkesan dan Berintegriti

- Memperkasa perkhidmatan yang efisien kepada pelanggan
- Pengukuhan kewangan yang mampan
- Pembangunan ICT dan inovasi berterusan
- Pembangunan modal insan yang dinamik, kompeten dan berintegriti
- Perjenamaan dan perkongsian bestari
- Pengurusan penyelenggaraan aset majlis dan aduan yang cekap
- Pendidikan dan pembudayaan undang-undang dan penguatkuasaan

T.2: Pembangunan Persekitaran Mampan Ke Arah Bandar Rendah Karbon

- Pelaksanaan bandar raya rendah karbon
- Pelaksanaan pembangunan bandar raya pintar
- Menjadikan bandar raya bersih dan indah
- Pengurusan penyelenggaraan yang berdaya tahan
- Pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran
- Memperkasa prasarana pengangkutan awam pintar

T.3: Kemakmuran Sosio Ekonomi

- Mewujudkan ekosistem kondusif bagi sektor perniagaan
- Meningkatkan taraf hidup komuniti melalui pemerikasaan teknologi
- Penggalakan sektor ekonomi berasaskan aero-angkasa dan pelancongan
- Menggalakkan tawaran perkhidmatan bercirikan ekonomi digital

T.4: Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif

- Pembudayaan cintakan Shah Alam dan keharmonian komuniti
- Membudayakan Shah Alam prihatin
- Memperkasakan penglibatan awam
- Pelaksanaan bandar selamat

Proses Kawalan Strategik

Seterusnya, pelaksanaan Pelan Strategik MBSA 2021-2025 ini memerlukan proses kawalan strategik melalui pengurusan serta penyelarasan proses kerja yang bersepadu dan berterusan. Ini memerlukan sokongan semua pihak berkepentingan, pelanggan beserta komitmen ahli-ahli Majlis dan pengurusan terhadap komitmen mereka dalam melaksanakan rangkaian program dan aktiviti yang telah dirancang. Proses kawalan strategik melalui pengurusan yang dilaksanakan ini berasaskan konsep mengukur, menilai dan tindakan pembetulan atau penambahbaikan yang berterusan. Ini amatlah penting agar strategi ke hadapan yang dilaksanakan benar-benar memberikan impak serta perubahan positif yang diharapkan. Semua aspek prestasi dan perubahan yang telah dirancang bagi setiap peringkat projek, aktiviti, program, kawasan dan kumpulan sasar perlu dipantau, diukur dan dinilai dari pelbagai sudut agar menepati sasaran KPI yang ditetapkan. Hal ini adalah bagi memastikan setiap strategi, program dan aktiviti atau projek dinilai dalam konteks perubahan senario semasa dan yang dijangkakan.



Strategi perubahan juga perlu mengambil kira pembangunan sumber manusia yang merupakan teras utama bagi mencapai matlamat dan hala tuju MBSA menjelang tahun 2025. Ini memerlukan pembangunan nilai-nilai bersama atau budaya MBSA bersama komuniti dan pelanggan yang berteraskan nilai murni dan integriti agar sistem penyampaian MBSA mendapat sambutan dan penghargaan daripada komuniti dan pelanggan. Tumpuan akan diberikan kepada strategi dan program pembangunan latihan yang meliputi program dan aktiviti peningkatan kompetensi dan tahap kecekapan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan pelaksanaan Pelan Perancangan Strategik MBSA. Dengan pendekatan ini, proses pembangunan keupayaan MBSA di semua peringkat dan aspek dapat dilakukan secara berterusan ke arah mencapai Visi dan Misi MBSA.


Shah Alam dan Masa Hadapan

Bandar-bandar sedang berdepan cabaran besar- perubahan iklim, digitalisasi, penuaan komuniti dan terbaru, ancaman pandemik yang memberi impak besar kepada pengoperasian sesebuah bandar. Perubahan ini memberi cabaran besar kepada bandar untuk mengadaptasi perubahan dan tekanan yang berterusan. Bandar dan rangkaian perbandaran perlu memainkan peranan berterusan bagi mencapai pengaruh global dan setempat dalam usaha mencapai matlamat pembangunan mampan. Dalam memacu pembangunan mampan, komitmen padu dan dedikasi pihak berkuasa dan pihak berkepentingan diperlukan untuk merealisasikan bandar raya impian.


Bagi menuju ke tahun 2035, Shah Alam harus menjerus kepada kemampanan dan berdaya huni. Pada masa ini Majlis Bandaraya Shah Alam telah mengambil inisiatif ke arah menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya rendah karbon di samping membangunkan Shah Alam sebagai bandar Ibu Negeri Selangor. Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2035 disediakan berdasarkan peruntukan di bawah Subseksyen 16(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Matlamat Rancangan Tempatan adalah: **“SHAH ALAM SEBAGAI BANDARAYA PINTAR, BERDAYA HUNI DAN BERDAYA TAHAN.”**




PINTAR
 Mencapai aspirasi SMART SELANGOR yang diterapkan dalam sistem pentadbiran dan pembangunan



BERDAYA HUNI
 Menjadikan Shah Alam sebuah petempatan yang terancang dengan kelengkapan kemudahan awam dan infrastruktur dalam menarik masyarakat untuk tinggal di Shah Alam




BERDAYA TAHAN
 Menjadikan Shah Alam sebuah bandaraya yang mampu menahan impak dari kepesatan pembangunan dan risiko bencana



Shah Alam *SDG Roadmap*

Bandar raya Shah Alam sudah sekian lama memainkan peranan utama dalam menerajui SDG di peringkat tempatan. Ia merupakan refleksi komitmennya dalam menjadikan Shah Alam bandar raya penempatan yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan. Shah Alam menerapkan tiga elemen utama dalam pendekatan pembangunan mampan.




Pelan Hala Tuju SDG Shah Alam ialah versi awal kepada Kajian Semula Tempatan Secara Sukarela atau *Voluntary Local Review* yang dinyatakan dalam '*Malaysia SDG Cities*' dan komponen utama untuk pelaksanaan agenda global SDG 2030. Pelan hala tuju ini juga berfungsi sebagai platform untuk refleksi dan penilaian sendiri bagi mengenal pasti isu dan aktiviti yang telah dijalankan, cabaran dan pengajaran yang dipelajari dalam memperkemas inisiatif SDG Shah Alam.

VLR bertindak sebagai serampang dua mata iaitu membantu Shah Alam menilai sendiri pencapaian SDG, pada masa yang sama, menyokong matlamat tadbir urus pelbagai peringkat dan membenarkan integrasi visi dan agenda untuk pembangunan setempat dan nasional. Ia juga menjadi kunci peranan SDG di peringkat tempatan dan kebangsaan. VLR adalah sebagai mekanisme utama dalam menjejak perkembangan SDG di peringkat tempatan dan melaporkannya di peringkat global. VLR menyediakan peluang besar kepada penduduk untuk memainkan peranan masing-masing dalam pelaksanaan SDG.

SDG ini begitu penting buat Shah Alam dan Selangor kerana matlamat serta sasaran ditetapkan selari dengan keutamaan bandar dan negeri dalam memacu pertumbuhan ekonomi yang memanfaatkan semua pihak, menggalakkan kesaksamaan komuniti, bertindak terhadap perubahan iklim dan merapatkan jurang ekonomi yang ketara hingga menyebabkan banyak pihak ketinggalan. Ia menggambarkan bahawa Shah Alam adalah 'Bandar untuk Semua' kerana ia merangkumi komitmen sukarela pihak berkepentingan yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli Majlis, NGO, ahli akademik, komuniti dan sektor swasta. Objektifnya adalah untuk mengukuhkan integrasi ketiga-tiga peringkat kerajaan iaitu Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, dengan program, projek dan inisiatif tempatan, serta memaklumkan kemajuan objektif, matlamat dan penunjuk, bagi memenuhi Agenda 2030 Shah Alam.

Bandar Raya Rendah Karbon 2030

Berdasarkan Pelan Malaysia Ke-11 dan selari dengan SDG, pelbagai inisiatif dan projek pintar telah dimulakan pada peringkat tempatan dalam usaha menyumbang kepada pembangunan mampan Shah Alam. Pelancaran Pelan Tindakan Shah Alam Bandar Raya Rendah Karbon 2030 yang menggembeng kerjasama antara pentadbir bandar raya, penggiat industri dan masyarakat untuk memperbaiki kehidupan bandar dengan penyelesaian lestari dan bersepadu menerusi perancangan lebih baik, termasuk pendekatan penyertaan, menyasarkan penggunaan tenaga lebih cekap, penyelesaian pengangkutan pintar dan penggunaan ICT yang lebih bijak.



MBSA telah mengambil langkah proaktif untuk pelaksanaan Program Bandar Rendah Karbon (LCC) Shah Alam sejak 2016 sehingga kini dengan kerjasama pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA) dan Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) ke arah mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang 2030. Pelaksanaan 'Matlamat Pembangunan Mampan' (SDGs) yang seiring dengan pemeliharaan alam secara berterusan melalui inisiatif program-program dan projek di kawasan MBSA, telah memberi semangat dan inspirasi Shah Alam kepada **'Matlamat Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030' (LCC2030C)**. Ia bertujuan untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon yang banyak dikeluarkan dari bandar-bandar utama, selaras dengan penggunaan sumber yang lebih efisien dan mengurangkan pembaziran.

Malah, MBSA juga merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab memacu agenda Rendah Karbon di kawasan Shah Alam. Kesemua Bangunan Kerajaan, Universiti Awam & Swasta, Sektor Awam & Swasta, Sektor Perindustrian dan komersial serta Sekolah-sekolah di sekitar Shah Alam diberi galakan untuk bersama-sama menjayakan **'Matlamat Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030'** ini dalam menjadikan Shah Alam sebagai Bandar Rendah Karbon menjelang 2030 menjadi nyata. Melalui pendekatan *'City Based Approach'* MBSA meningkatkan usaha bagi:

- Memastikan pelaksanaan Pelan Strategik berjalan lancar dan efektif;
- Menjalinkan hubungan kerjasama rasmi dengan Kementerian/ Jabatan Kerajaan/NGO's/Swasta;
- Mencadangkan polisi insentif kepada pemaju yang mematuhi *Green Building Requirement*;
- Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Agensi Kerajaan, komuniti perniagaan dan industri yang terlibat secara langsung bagi Bandar Rendah Karbon;
- Menggubal Dasar Teknologi Hijau MBSA yang konkrit dan komprehensif;
- Menilai persediaan warga Shah Alam ke arah Bandar Hijau.
- Menyediakan Perkhidmatan Pengangkutan dan Mobiliti yang efisien;
- Mengintegrasikan Alam Semula Jadi Dalam Alam Bina;
- Mengurus Sisa Pepejal yang Mesra Alam;
- Mengurus Penggunaan Sumber Tenaga dan Air yang efisien dan Efektif;
- Mentadbir dan Mengurus Bandar Raya yang *Green Technology*.

Penutup

Rakan-rakan perkongsian pintar MBSA terdiri daripada pihak swasta termasuk pemimpin industri dan komersial, para peniaga dan usahawan, pemimpin dan ahli-ahli NGO serta badan-badan amal di peringkat komuniti setempat. Kejayaan dalam melaksanakan pelan tindakan yang telah digubal oleh MBSA amat memerlukan sokongan padu daripada semua pihak terutamanya pihak berkepentingan dan juga rakan-rakan strategik serta rakan-rakan perkongsian pintar. Pihak berkepentingan dan rangkaian rakan Strategik MBSA meliputi pemimpin setempat, ahli-ahli komuniti, agensi-agensi dan institusi kerajaan. Ini bagi memastikan agar keseluruhan strategi MBSA berkesan, relevan dari segi perubahan keperluan yang berlaku dan menuju sasaran atau matlamat dan hala tuju MBSA.

Pembangunan mampan bermaksud menyediakan keperluan semasa tanpa menidakkan kepentingan generasi akan datang. Marilah kita bekerjasama mencapai Agenda 2030 untuk Shah Alam yang lebih baik, saksama dan lestari demi generasi akan datang. Besar harapan saya, selaras dengan penerbitan Pelan Perancangan Strategik MBSA 2021-2025 ini akan memperkasa lagi pengurusan dan perkhidmatan Majlis selaku pentadbir bandar raya Shah Alam.

YBrs. Dr. Nor Fuad Abdul Hamid
Datuk Bandar Shah Alam

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tajuk

Membangunkan Pelan Strategik MBSA 2021-2025

Objektif

1. Mengkaji semula Pelan Strategik sedia ada (2016-2020) untuk mengenalpasti pencapaian dan ruang penambahbaikan.
2. Membangunkan Pelan Strategik yang baru (2021-2025).

FASA 1

Kajian Semula dan Memperincikan Pelan Perancangan Strategik MBSA 2016 – 2020 untuk Mengenal Pasti Pencapaian Serta Ruang Penambahbaikan Pelan Strategik Sediada 2016 – 2020


- Peserta membincangkan cabaran semasa dan mencadangkan penambahbaikan.
- Pihak perunding juga melakukan analisis dan benchmark ke atas bandar-bandar lain.
- Hasil Bengkel adalah: Penambahbaikan Cadangan Teras dan Strategi

FASA 2

Membangunkan Hala Tuju dan Mentransformasi Pelan Perancangan Strategik MBSA 2021 – 2025

- Peserta perlu membincangkan dan mencadangkan inisiatif untuk setiap Teras dan Strategi
 - Perunding akan memberi panduan dan beberapa kaedah beserta template untuk membantu peserta menjalankan perbincangan kumpulan.
 - Peserta akan di beri masa 14 hari untuk melakukan perbincangan lanjut dan menyiapkan cadangan inisiatif.
 - Hasil Bengkel: Cadangan Inisiatif beserta Roadmap dan KPI
-

FASA 1



Fasa 2 Pelan Perancangan Strategik MBSA Tahun 2021 – 2025

PENDAHULUAN

PENGESAHAN

HAJAT TUJU STRATEGIK MBSA

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

IMPLEMENTASI KEARAH KEJAYANAN


PENCAPAIAN

PENUTUP

Cabaran Dalam Pelaksanaan Strategi

Dalaman				Luaran	
	Proses	Manusia	Teknologi	Stakeholder	Lain-Lain
Teras 1: Melaksanakan Tadbir Urus yang Cepak, Berkesan dan Berintegriti	Kewangan	Komitmen		Kerjasama dan Persefahaman	Politik
Teras 2: Pembangunan Persekitaran Mampan ke Arah Bandar Rendah Karbon	<ul style="list-style-type: none"> • Pengukuran • Pemantauan 	Kepakaran	Cepat Berubah	<ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama • Program 	
Teras 3: Kemakmuran Sosio Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh Panggilan Kursus • Program • Analisa Keberkesanan 	<ul style="list-style-type: none"> • Komitmen • Kelayakan Konsultant 		<ul style="list-style-type: none"> • Pandangan Negatif Masyarakat 	Komunikasi
Teras 4: Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif	Kewangan	Komitment	Cepat Berubah	Ketersediaan	
Teras 5: Perkongsian Pintar Komuniti dan Pihak Berkepentingan	Kewangan	Komitmen		<ul style="list-style-type: none"> • Kerjasama • Minat • Golongan Tertentu 	<ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi • Lokasi
Teras 6: Memperkasakan Prestasi Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Perancangan • Cara Kerja Lama 	<ul style="list-style-type: none"> • Kepakaran • Integriti 	Integrasi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak Terima Maklumat 	Pandemik COVID-19

Cabaran Semasa Bandar Raya Shah Alam



SWOT

Strength

- Sumber kewangan yang kukuh.
- Kemudahan ICT yang baik.
- Staf yang berpengalaman.
- Kemudahan prasarana yang mencukupi.
- Sokongan daripada kerajaan negeri.
- Antara pusat pembangunan industri terbesar di Selangor.
- Institusi Pendidikan Tinggi
- Pusat Kerajaan Negeri Selangor.

Weaknesses

- Komuniti masih belum mencerminkan sikap masyarakat maju dan sayangkan bandar.
- Komunikasi dalaman masih ada kelemahan dan kurang efektif.
- Komunikasi yang interaktif bersama komuniti dan pemegang taruh lain masih rendah dan kurang efektif.
- Inovasi terhadap perkhidmatan bercirikan IR4.0 dan digital masih perlahan.
- Pelaksanaan dan pemantauan inisiatif kurang berkesan terutama dalam memberi impak kepada komuniti.

Opportunities

- Wujud pusat pertumbuhan baru dan berterusan akan membuka peluang pelaburan yang tinggi
- Kadar pertumbuhan penduduk terus meningkat membuka lebih banyak peluang ekonomi.
- Institusi-institusi pendidikan yang berpotensi memberi lebih banyak inovasi dan tenaga kerja kepada ekonomi teknologi tinggi.
- Produk pelancongan sukan dan rekreasi yang semakin menjadi tarikan dan mampu menjana ekonomi.
- Jajaran Lebuhraya yang strategik dan mobiliti yang baik.

Threat

- Pembangunan pesat bandar-bandar sekitar Shah Alam yang menawarkan infrastruktur fizikal dan digital bersama insentif yang tinggi mampu menarik pelaburan keluar dari Shah Alam terutama dari segi industri teknologi tinggi dan juga SME.
- Pandemic COVID-19 telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan memberi kesan langsung kepada beberapa sektor antaranya perkhidmatan, pelancongan, peruncitan, pendidikan dan juga penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- Bencana alam seperti banjir memberi impak ketara ke atas kegiatan ekonomi, kelangsungan hidup dan sistem penyampaian PBT. Golongan yang terkesan adalah komuniti di kawasan-kawasan berlaku bencana, penggiat ekonomi SME, peniaga kecil, golongan pelajar dan lain-lain.
- Perlu ada pelan tindakan kecemasan serta jangka panjang yang mampu mengurangkan impak bencana wabak penyakit dan bencana alam.

Tumpuan Bandar Raya Lain di Malaysia

Bandar Raya	Tadbir Urus	Pembangunan Bandar	Ekonomi	Komuniti	Jumlah Teras
Kuala Lumpur	Tadbir Urus Cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> Bandaraya Mampan Kehidupan Bandar yang Bekualiti 	Kemakmuran Ekonomi	Masyarakat Harmoni	5
Petaling Jaya	Tadbir Urus	Alam Sekitar	Ekonomi	Masyarakat	4
Subang Jaya	Tadbir Urus Terbaik	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Mampan Infra dan Kemudahan Awam 	Pembangunan Sosio Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> Capaian Pintar Pembentukan Masyarakat Madani 	6
Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Strategik Modal Insan Penyemarakan Persekitaran yang Berkualiti Sistem Komunikasi yang Berkesan 		Pelestarian Pembangunan Ekonomi dan Sosial	Masyarakat	4
Johor Bahru	<ul style="list-style-type: none"> Tadbir urus berkualiti, berintegriti tinggi dan modal insan yang kompeten Menerapkan penggunaan teknologi baru melalui inovasi berterusan Perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti 	Keseimbangan pembangunan dan kelestarian alam sekitar	Penguatan kewangan dan kemampanan pertumbuhan ekonomi bandar raya	<ul style="list-style-type: none"> Memacu penyertaan awam yang interaktif dan inklusif di dalam memperkasa pembangunan Sejahtera dan makmur berteraskan nilai-nilai kerohanian & kemasyarakatan yang tinggi 	7

FASA 2**Tumpuan Teras Pelan Strategik MBSA2025**

1. Sentiasa memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dengan memastikan tadbir urus yang cemerlang dari segi pengurusan kewangan yang mantap, modal insan yang berintegriti dan berkualiti, cara kerja yang dinamik, cekap dan efektif, dan pembangunan ICT yang berinovasi dan kondusif.



**MELAKSANAKAN
TADBIR URUS
YANG CEKAP,
BERKESAN DAN
BERINTEGRITI**

2. Memastikan pembangunan bandar yang terunggul bagi memenuhi aspirasi menjadikan Shah Alam Bandaraya Rendah Karbon dan juga selari dengan halatuju pelan pembangunan Rancangan Tempatan Shah Alam 2035; Shah Alam sebagai Bandar Pintar, Berdaya Huni dan Berdaya Tahan.



**PEMBANGUNAN
PERSEKITARAN
MAMPAN KE
ARAH BANDAR
RENDAH KARBON**

3. Secara umumnya, tumpuan perlu diberikan untuk merancakkan semula pertumbuhan ekonomi negeri dan negara. Perincian strategi pula perlu meletakkan Shah Alam sebagai bandaraya yang kekal berdaya saing serta merangkumi setiap golongan komuniti agar tiada yang tertinggal. Kesejahteraan dan keselamatan masyarakat adalah menjadi asas dalam setiap perancangan dan tadbir usur bandar. Usaha transformasi ke arah komuniti yang sejahtera memerlukan perubahan minda, komunikasi efektif dan penglibatan tinggi daripada semua lapisan komuniti untuk berjaya.



**KEMAKMURAN
SOSIO EKONOMI**

4. Kesejahteraan dan keselamatan masyarakat adalah menjadi asas dalam setiap perancangan dan tadbir usur bandar. Usaha transformasi ke arah komuniti yang sejahtera memerlukan perubahan minda, komunikasi efektif dan penglibatan tinggi daripada semua lapisan komuniti untuk berjaya.



**PEMBANGUNAN
KOMUNITI
SEJAHTERA DAN
INKLUSIF**

Strategi

Teras	Melaksanakan Tadbir Urus yang Cepak, Berkesan dan Berintegriti	Pembangunan Persekitaran Mampan ke Arah Bandar Rendah Karbon	Kemakmuran Sosio Ekonomi	Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif
<p>Strategi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasa Perkhidmatan Yang Efisien kepada Pelanggan • Pengukuhan Kewangan yang Mampan • Pembangunan ICT dan Inovasi Berterusan • Pembangunan Modal Insan yang Dinamik, Kompeten dan Berintegriti • Penjenamaan dan Perkongsian Bestari • Pengurusan dan Penyelenggaraan Perbandaran yang cekap • Pendidikan dan pembudayaan undang-undang dan penguatkuasaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan bandar raya rendah karbon • Pelaksanaan pembangunan bandar raya pintar • Menjadikan bandar raya bersih dan indah • Pengurusan penyelenggaraan yang berdaya tahan • Pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran • Memperkasa prasarana pengangkutan awam pintar 	<ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan Ekosistem Kondusif bagi Sektor Perniagaan • Meningkatkan Taraf Hidup Komuniti Melalui Pemerkasaan Teknologi • Penggalakan Sektor Ekonomi Berasaskan Aero-angkasa dan Pelancongan • Menggalakkan Tawaran Perkhidmatan bercirikan Ekonomi Digital 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembudayaan Cintakan Shah Alam dan Keharmonian Komuniti • Membudayakan Shah Alam Prihatin • Memperkasakan Penglibatan Awam • Pelaksanaan Bandar Selamat
<p>Outcome</p>	<p>Smart Selangor Domain: Smart Government</p> <p>SUK, KPKT</p> 	<p>Smart Selangor Domain: Smart Government</p> <p>SUK, KPKT</p> 	<p>Smart Selangor Domain: Smart Government</p> <p>SUK, KPKT</p> 	<p>Smart Selangor Domain: Smart Government</p> <p>SUK, KPKT</p> 

Pelan Perancangan Strategik MBSA 2021-2025



Visi

Menjadikan Shah Alam sebuah bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif, dan terunggul



Misi

Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang

Teras



SHAH ALAM



**BANDAR RAYA
PINTAR, BERDAYA HUNI DAN BERDAYA TAHAN
MENJELANG 2035**

PENDAHULUAN

PENGEMALAN

HALA TUJU
STRATEGIK MBSA

STRATEGI DAN
FORMULASI
TINDAKAN

IMPLEMENTASI
KEARAH KEJAYAMAN

PENCAPAIAN

PENUTUP

LATAR BELAKANG

Shah Alam terletak di Negeri Selangor yang merupakan antara 14 buah negeri di Malaysia. Hanya 25 km dari Kuala Lumpur, ibu negara Malaysia dan 15 km dari Pelabuhan Klang. Ia dikelilingi oleh bandar-bandar besar seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Putrajaya dan Cyberjaya.



Sejarah

Shah Alam pada suatu ketika dulu adalah sebuah ladang kelapa sawit yang dikenali sebagai Sungai Renggam. Shah Alam mula dibangunkan pada tahun 1963 untuk dijadikan pusat pentadbiran Selangor apabila Kuala Lumpur dirancang untuk dijadikan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974.

Pada 7 Disember 1978, atas perkenan DYMM Sultan Selangor Ke-8, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Shah Alam diisytiharkan sebagai ibu negeri Selangor yang baharu. Nama 'Shah Alam' sendiri adalah pilihan dan perkenan Baginda.

Keluasan Shah Alam pada ketika itu adalah 41.69 km persegi. Pada 1 Januari 1997, Shah Alam diperluaskan kepada 290.3 km persegi (Pelan Warta 197). Ibu negeri Selangor, negeri termaju di Malaysia ini dinaikkan taraf menjadi bandar raya pada 10 Oktober 2000.

PENGISYTIHARAN BANDAR RAYA

Pelbagai program diatur bagi meraikan detik pengisytiharan ini bersama seluruh warga Shah Alam. Antara peristiwa penting yang kekal dalam lipatan sejarah ibu negeri Selangor ini adalah:

20
SEP

- YAB Dato' Menteri Besar Selangor melancarkan logo, bendera dan lagu rasmi Majlis Bandaraya Shah Alam



9
OKT

- Majlis Penyerahan Suratcara Pengisytiharan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada DYMM Pemangku Raja Selangor

9 & 10
OKT

- YAB Dato' Menteri Besar Selangor mengisytiharkan Shah Alam sebagai bandar raya tepat jam 12.00 tengah malam

10
OKT

- Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Datuk Bandar Shah Alam daripada DYMM Sultan Selangor kepada YBhg. Dato' Haji Abu Sujak bin Haji Mahmud
- Majlis Makan Malam sempena Pengisytiharan Bandar Raya Shah Alam yang dihadiri oleh DYMM Sultan Selangor



PENTADBIRAN

Shah Alam ditadbir oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang sebelum ini dikenali sebagai Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA). MBSA ditubuhkan pada 7 Disember 1978 serentak dengan pengisytiharan bandar Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor Darul Ehsan. Pada 10 Oktober 2000, Shah Alam diisytiharkan sebagai bandar raya dan Majlis Perbandaran Shah Alam dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).



Dasar

Khidmat terbaik



Misi

Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang.



Visi

Menjadikan Shah Alam bandar raya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul.



Akta 171 Kerajaan Tempatan

MBSA ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan. Akta ini memperuntukkan MBSA mentadbir, memberi perkhidmatan serta membangunkan bandar raya Shah Alam.



YANG DIPERTUA DAN DATUK BANDAR

(1988 – 2000)



1988 – 1996
**YBhg. Tuan Nor
Azman Bin Yaakub**



1996 – 1998
**Y.B. Dato' Mohd.
Aini Bin Taib**



1998 – 2000
**YBhg. Dato' Mohd.
Adzib Bin Mohd. Isa**



2000
**YBhg. Dato' Haji
Emran Bin
Haji Kadir**

Datuk Bandar Shah Alam



2000 – 2002
**YBhg. Dato' Haji
Abu Sujak
Bin Haji Mahmud**



2002 – 2004
**YBhg. Dato' Salamon
Bin Selamat**



2004 – 2006
**YBhg. Dato' Ramli
Bin Mahmud**



2006 – 2007
**YBhg. Dato' Ramlan
Bin Othman**



2007 – 2011
**YBhg. Dato' Mazalan
Bin Md. Noor**



2011 – 2014
**YBhg. Dato' Haji
Mohd Jaafar
Bin Haji Mohd Atan**



2015 – 2019
**YBhg. Dato' Haji
Ahmad Zaharin
Bin Mohd Saad**



2019 – 2021
**YBhg. Dato' Haji
Haris Bin Kasim**




2021 – 2022
**YBhg. Dato' Haji
Zamani Ahmad
Bin Mansor**




2022 – KINI
**YBrs. Dr. Nor Fuad
Abdul Hamid**

CARTA ORGANISASI




Majlis Bandaraya Shah Alam diketuai oleh seorang Datuk Bandar yang merupakan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Selain itu, Datuk Bandar juga merupakan Ahli Majlis yang memikul tanggungjawab bersama 24 Ahli Majlis yang lain. Ahli-ahli Majlis ini terdiri daripada ahli politik, golongan profesional, ahli akademik dan tokoh korporat. Pengurusan Majlis juga dianggotai oleh Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha, Pengarah-Pengarah Jabatan, Ketua-Ketua Bahagian dan Pengurus Cawangan.

DEMOGRAFI



POPULASI

Anggaran penduduk Shah Alam



KELUASAN SHAH ALAM


Keluasan Shah Alam meningkat secara berperingkat-peringkat sejak tahun 1963 sehingga sekarang. Saiz sebenar keluasan Shah Alam berdasarkan Pelan Warta 1190 yang digazetkan pada 1 Januari 1997 adalah seluas 290.3 km persegi.

Pelan Pembangunan	Tahun	Kawasan Tambahan	Keluasan km ²
Pelan Pembangunan Shah Alam	1960	Seksyen 1-16	19.68 km ²
Pelan Struktur 1979	1979	Seksyen 1-24	41.69 km ²
Pelan Perluasan Shah Alam	1984	Seksyen 1-28	53.30 km ²
Pelan Warta 968 (District Planning)	1994	Seksyen 1-39	261.70 km ²
Pelan Warta 1190 (District Planning & Administration)	1997	Seksyen U1-U14, Seksyen U1-U20 (Utara) Seksyen 1-24 (Tengah), Seksyen 25-36 (Selatan)	290.30 km ²

Sumber: Jabatan Perancangan Majlis Bandaraya Shah Alam, Julai 2000

GUNA TANAH

Zon Guna Tanah Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (Pengubahan 3) 2020.



PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN



Objektif Pembangunan
Matlamat utama pembangunan bandar raya Shah Alam adalah seperti berikut:


- PENDAHULUAN
- PENGESAHAN
- HALA TUJU STRATEGIK MBSA
- STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN
- IMPLEMENTASI KEARAH KEJAYANAN
- PENCAPAIAN
- PENUTUP



SEKSYEN

Pembahagian Seksyen


Mengikut Pelan Warta 1190 yang dikeluarkan pada tahun 1997, Shah Alam dibahagikan kepada 56 Seksyen iaitu:



PEMBAHAGIAN ZON MPP

Majlis Bandaraya Shah Alam dibahagikan kepada 24 zon, di mana setiap zon diwakili oleh seorang Ahli Majlis sebagai Pengerusi. Setiap Ahli Majlis diberi sejumlah peruntukan untuk melaksanakan aktiviti di bawah tanggungjawab zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) masing-masing.


- Zon 1**
Seksyen 1, 2, 3, 4, 5, 6, 8, 14
- Zon 2**
Seksyen 9, 10, 11, 12, 13
- Zon 3**
Seksyen 7
- Zon 4**
Seksyen U11 & U12
- Zon 5**
Seksyen 15, 16
- Zon 6**
Seksyen 17 & 18
- Zon 7**
Seksyen 19, 20, 21
- Zon 8**
Seksyen 22, 23, 24
- Zon 9**
Seksyen 25a
- Zon 10**
Seksyen 26, 27, 28 & 33a
- Zon 11**
Seksyen 29 & 30
- Zon 12**
Seksyen 31 & 33b
- Zon 13**
Seksyen 32a
- Zon 14**
Seksyen 25b, 32b & 34
- Zon 15**
Seksyen 35 & 36
- Zon 16**
Seksyen U1 & U2
- Zon 17**
Seksyen U3, U6, U7
- Zon 18**
Seksyen U4a & U5
- Zon 19**
Seksyen U8
- Zon 20**
Seksyen U10, U14 & U15
- Zon 21**
Seksyen U13
- Zon 22**
Seksyen U9 & U16
- Zon 23**
Seksyen U17, U18 & U19a
- Zon 24**
Seksyen U4b, U19b & U20



ASET MAJLIS



LESEN PERNIAGAAN



* Data daripada SAIS

PELAN STRATEGIK MBSA



- Melaksanakan Tadbir Urus yang Cepak, Berkesan dan Berintegriti.
- Pembangunan Persekitaran Mampan ke Arah Bandar Rendah Karbon.
- Kemakmuran Sosio Ekonomi.
- Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif.

PELAN ANTIRASUAH (NACP)



- NACP dirangka oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah.
- Merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.
- NACP adalah satu pelan khusus bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di negara ini.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGS)

Matlamat Pembangunan Mampan

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), yang diperkenalkan pada tahun 2015 oleh United Nations General Assembly, merupakan komitmen global ke arah masa depan yang lebih mampan. Ini adalah rangka tindakan menuju ke arah pembangunan mampan, berdaya tahan dan inklusif, yang menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang merangkumi lima bidang tumpuan; kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama.



SHAH ALAM KOMITED KE ARAH:

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



INTEGRITI
DI HATI

PELAN TINDAKAN RENDAH KARBON



PELAN TINDAKAN SHAH ALAM BERSIH



Matlamat Pelan Tindakan Shah Alam Bersih 2022-2025

- Menjadikan Shah Alam sebuah bandar raya yang lebih bersih, indah, sejahtera dan selesa didiami dan dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara.
- Mewujudkan rasa community ownership dan penglibatan semua pihak yang berkepentingan secara lebih efektif dan strategik.
- Mewujudkan budaya self belonging di kalangan kakitangan MBSA, penduduk Shah Alam dan semua kontraktor/konsesi penyelenggaraan di Shah Alam dari aspek kesihatan.
- Menjadikan Shah Alam bersih menjelang tahun 2025 merangkumi aspek perkhidmatan penyelenggaraan, infrastruktur, fasiliti awam, landskap dan penguatkuasaan.

6 Elemen Utama Pelan Tindakan Shah Alam Bersih

- Menambahbaik mekanisma pengurusan sisa pepejal
- Mewujudkan persekitaran yang bersih dan selesa
- Kebersihan fasiliti awam
- Kawalan dan pencegahan pencemaran alam sekitar
- Penguatkuasaan dan pemantauan yang bersepadu dan efektif
- Kesedaran terhadap kebersihan (penglibatan penduduk dan stakeholder)



PELAN STRATEGIK: TINDAKAN

Pelan Perancangan Strategik ini dibina secara inklusif bersama pihak pengurusan tertinggi serta pihak pengurusan di peringkat Jabatan/Bahagian dan warga kerja dengan mengambil kira Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan juga Agenda Perbandaran Baru (NUA), selain turut membudayakan pentadbiran secara norma baharu dengan penggunaan pelbagai platform digital dan teknologi terkini dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19. Pelan Perancangan Strategik ini mengambil kira jangkaan dan harapan semua pihak berkepentingan dan ianya telah diselaraskan dengan isu-isu strategik utama yang telah dibangunkan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan. Pembangunan Pelan Perancangan Strategik ini memberi tumpuan kepada menghasilkan suatu transformasi yang boleh dilihat dan diukur oleh warga bandar raya, malahan dokumen ini begitu menekankan aspek penyampaian perkhidmatan dan pembangunan bandar raya yang lebih cekap dan berkesan.

TERAS 1: MELAKSANAKAN TADBIR URUS YANG CEKAP, BERKESAN DAN BERINTEGRITI

Strategi 1 Memperkasakan perkhidmatan yang efisien kepada pelanggan



SDG 16
Keamanan, Keadilan dan
Institusi yang Kukuh

31 Program

Program/Proses	Indikator Sasaran	Sasaran (Bil/%)	Tempoh	Jabatan/Bahagian Bertanggungjawab	Output	Outcome
Pengurusan Kaunter dan Khidmat Pelanggan MBSA	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan kaunter yang cekap dan efisien 	<ul style="list-style-type: none"> Kaunter bersepadu MBSA 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Laporan bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> Semua Jabatan 	<ul style="list-style-type: none"> 100% pengurusan kaunter bersepadu MBSA 	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan kaunter bersepadu MBSA yang cekap, teratur dan efisien
Pengurusan Bencana Dalam MBSA	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pengurusan bencana diuruskan dengan cekap, teratur dan efisien 	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan keperluan mangsa yang terlibat 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Laporan Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Semua Jabatan 	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah mangsa yang terlibat 	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan perkhidmatan bencana dalam yang cekap, teratur dan efisien
Pengurusan Keselamatan Kesihatan dan Pekerjaan MBSA	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan pengurusan keselamatan kesihatan dan pekerjaan MBSA diuruskan dengan sistematik 	<ul style="list-style-type: none"> 1600 kakitangan MBSA 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Laporan Bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Khidmat Pengurusan Unit Pengurusan Bangunan 	<ul style="list-style-type: none"> 1600 kakitangan MBSA 	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan keselamatan kesihatan dan pekerjaan MBSA diuruskan dengan sistematik
Memproses permohonan kelulusan pelan kejuruteraan (serentak bagi cadangan kebenaran merancang, pelan kerja tanah, pelan jalan dan perparitan & pelan lampu jalan)	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan dibentangkan dalam mesyuarat OSC dalam tempoh 40 hari dari tarikh permohonan dikemukakan di Bahagian Pusat Setempat (OSC) 	<ul style="list-style-type: none"> Semua permohonan dibentangkan dalam tempoh 40 hari dengan sasaran 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan Seksyen Kawalan Infrastruktur (Awam) 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan yang telah mendapat keputusan 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan diputuskan mengikut ketetapan Pelanggan yang gembira
Memproses permohonan lawatan tapak untuk tindakan penyediaan surat sokongan CCC(G17)	<ul style="list-style-type: none"> Ulasan diserahkan ke Bahagian Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh lawatan tapak 	<ul style="list-style-type: none"> Semua ulasan diserahkan dalam tempoh 14 hari bekerja dengan sasaran 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan Seksyen Kawalan Infrastruktur (Awam) 	<ul style="list-style-type: none"> Ulasan permohonan siap 	<ul style="list-style-type: none"> Ulasan disiapkan mengikut ketetapan Pelanggan yang gembira
Memproses borang permohonan penukaran nama bil TNB untuk lampu jalan dari Pemaju kepada MBSA selepas pengeluaran CCC	<ul style="list-style-type: none"> Dalam tempoh 1 tahun selepas CCC 	<ul style="list-style-type: none"> Penukaran nama bil TNB dari pemaju kepada MBSA dengan sasaran 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan Seksyen Kawalan Infrastruktur (Elektrik) 	<ul style="list-style-type: none"> Pengisian borang permohonan penukaran nama bil elektrik ke TNB 	<ul style="list-style-type: none"> Bil elektrik atas nama MBSA Pelaksanaan penyelenggaraan oleh MBSA
Melaksanakan proses pendaftaran borang Marris bagi tujuan pendaftaran jalan di dalam sistem marris online untuk permohonan peruntukan geran penyelenggaraan jalan	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan kepada kerajaan negeri secara online di dalam sistem smart marris 	<ul style="list-style-type: none"> Dikemukakan pada bulan Disember setiap tahun dengan sasaran 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan Seksyen Kawalan Infrastruktur (Awam) Seksyen Jalan 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan lengkap secara online Kontraktor dapat di lantik 	<ul style="list-style-type: none"> Mendapat Geran peruntukan setiap tahun untuk tujuan penyelenggaraan Infrastruktur selesai kepada pelanggan
Menyediakan Pelan kajian kawalan banjir untuk mengatasi masalah banjir di Shah Alam	<ul style="list-style-type: none"> Kajian di laporkan di dalam Mesy Jk Infrastruktur dan Bangunan 	<ul style="list-style-type: none"> Kajian di siapkan di dalam tempoh yang ditetapkan dengan sasaran 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan Seksyen Saliran 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Kajian kawalan banjir (Pelan Dasar) 	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan Penyelesaian masalah banjir di peringkat perancangan selesai Penduduk berpuas hati
Kajian menaiktaraf pencahayaan lampu jalan	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Kajian Siap 	<ul style="list-style-type: none"> 40% 60% Laporan Kajian di luluskan 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2022 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan Seksyen Elektrik 	<ul style="list-style-type: none"> laporan Kajian Penggantian lampu kepada LED dilaksanakan 	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan Sasaran lebih cerah & Selamat Penduduk berpuas hati

Program/Proses	Indikator Sasaran	Sasaran (Bil/%)	Tempoh	Jabatan/Bahagian Bertanggungjawab	Output	Outcome
Melaksanakan penyelenggaraan berkala untuk kemudahan majlis	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan inventori perabut jalan dalam sistem Asset Management System (AMS) dan integrasi AMS dan Geographical Information System (GIS) 	<ul style="list-style-type: none"> Fasa 1 - 100% Fasa 2 - 100% Fasa 3 - 100% Fasa 4 - 100% Fasa 5 - 100% Integrasi AMS dan GIS - % 	<ul style="list-style-type: none"> Fasa 1 - 100% Fasa 2 - 100% Fasa 3 - 100% Fasa 4 - 100% Fasa 5 - 100% Integrasi AMS dan GIS - % 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan Seksyen Penyelenggaraan Bangunan 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan peruntukan di luluskan 	<ul style="list-style-type: none"> Penyelenggaraan dapat di laksanakan Penduduk berpuas hati
Perlantikan perunding panel sebagai perekabentuk dan semakan	<ul style="list-style-type: none"> Memenuhi kualiti rekabentuk dan masa di percepatkan 	<ul style="list-style-type: none"> Pembentangan senarai panel di dalam mesy jk infra 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Kejuruteraan 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan senarai panel mengikut kepakaran 	<ul style="list-style-type: none"> Pelan rekabentuk dapat di siapkan lebih cepat dan mengikut standard perkembangan semasa.
Garis panduan Perancangan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Garis panduan Rekabentuk Bandar TOD Garis panduan UDG Pusat Bandar Garis panduan Bandar Rendah Karbon Garis panduan Pembangunan Airport Subang 	<ul style="list-style-type: none"> 100% Pengukuran Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan 	<ul style="list-style-type: none"> Garis panduan Rekabentuk Bandar TOD Garis panduan UDG Pusat Bandar Garis panduan Bandar Rendah Karbon Garis panduan Pembangunan Airport Subang 	<ul style="list-style-type: none"> Kemudahan kepada Pemaju/Perunding/ Pelanggan untuk rujukan bagi membantu dalam penyediaan cadangan pemajuan sesuatu kawasan Dokumen garis panduan ini akan dijadikan sebagai asas rujukan dalam amalan, panduan pembangunan dan pelaksanaan Bandar Rendah Karbon di Shah Alam lanya akan dijadikan rujukan serta digunakan oleh pihak yang melaksanakan setiap pembangunan di bawah kawasan pentadbiran Shah Alam dalam mengawal pembangunan Panduan pembangunan bagi pihak berkepentingan bagi pembangunan di dalam kawasan Lapangan Terbang SSAS
Memperakukan kelulusan pembangunan bagi permohonan kebenaran merancang dalam tempoh ditetapkan	<ul style="list-style-type: none"> Pelan Susunatur – 69 hari Pendirian Bangunan – 69 hari Perubahan Material Penggunaan Tanah dan Bangunan – 37 hari 	<ul style="list-style-type: none"> 100% mengikut tempoh ditetapkan 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan 	<ul style="list-style-type: none"> Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang diberi mengikut Tempoh 	<ul style="list-style-type: none"> Pelan yang diluluskan bagi pengemukaan pelan pembangunan yang lain bagi tujuan pemajuan kepada pemilik tanah dan pemaju mengikut tempoh yang ditetapkan Pelanggan yang puas hati

PENDAHULUAN
 PENGENALAN
 HALA TUJU STRATEGIK MBSA
 STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN
 IMPLEMENTASI KEARAH KEJAYANAN
 PENCAPAIAN
 PENUTUP

Program/Proses	Indikator Sasaran	Sasaran (Bil/%)	Tempoh	Jabatan/Bahagian Bertanggungjawab	Output	Outcome
Memberi khidmat nasihat perancangan dan pembangunan Shah Alam selaras dengan Rancangan Pemajuan, polisi serta dasar yang ada kepada pemilik tanah, pemaju, agensi yang berkaitan serta pihak yang berkepentingan	<ul style="list-style-type: none"> 2 sesi taklimat dan teach ini diadakan setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Perancangan 	<ul style="list-style-type: none"> Kehadiran kakitangan, agensi atau pemegang taruh dalam program yang diadakan 	<ul style="list-style-type: none"> Pemahaman pemegang taruh
Menyelaras tindakan bagi menangani masalah yang dihadapi oleh pelabur untuk mendapatkan tapak, kelulusan pelan bangunan dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> Pengumpulan maklumat projek atau program daripada Jabatan Teknikal 	<ul style="list-style-type: none"> Dua projek setahun 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Unit Pelaburan, Jabatan Perancangan 	<ul style="list-style-type: none"> Projek dilaksanakan siap 	<ul style="list-style-type: none"> Pelabur berpuashati dan peningkatan pelaburan di Shah Alam
	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan mesyuarat/ bengkel penyelarasan projek 	<ul style="list-style-type: none"> 4 kali setahun 			<ul style="list-style-type: none"> Minit atau laporan mesyuarat 	
	<ul style="list-style-type: none"> Merancang usaha-usaha promosi termasuklah menyediakan maklumat pelaburan seperti kawasan atau lot-lot industri yang masih kosong untuk dipromosikan, jenis-jenis industri yang digalakkan dan lain-lain maklumat yang berkaitan <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Web Pelaburan Shah Alam Menyediakan Maklumat pelaburan 	<ul style="list-style-type: none"> 3 aktiviti setahun 			<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti atau program promosi dilaksanakan 	
	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa Pelaburan dan Perdagangan MBSA <ul style="list-style-type: none"> 4 kali setahun <ul style="list-style-type: none"> Membuat pelaporan prestasi pelaburan Shah Alam Membuat pelaporan status dan tindakan serta penyelesaian pelabur-pelabur di Shah Alam dalam pelan pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> 4 kali setahun 			<ul style="list-style-type: none"> Laporan Mesyuarat 	
	<ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa IPMC Shah Alam 	<ul style="list-style-type: none"> 3 kali setiap zon setahun 			<ul style="list-style-type: none"> Laporan Mesyuarat 	
Meningkatkan Pembangunan keupayaan Kakitangan MBSA. Pemegang Taruh, Agensi dan Penduduk mengenai Bandar Rendah Karbon	<ul style="list-style-type: none"> Kakitangan MBSA <ul style="list-style-type: none"> 1 kali setahun Agensi Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> 1 kali setahun Pemegang Taruh, Agensi <ul style="list-style-type: none"> 1 kali setahun 	<ul style="list-style-type: none"> 100% 3 sesi taklimat dan teach diadakan setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Tahunan 	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Pembangunan Mampuan, Jabatan Perancangan 	<ul style="list-style-type: none"> Kehadiran kakitangan, agensi atau pemegang taruh dalam program yang diadakan 	<ul style="list-style-type: none"> Pemahaman pemegang taruh bagi mencapai status Bandar Rendah Karbon menjelang 2035.
Menerima dan memproses permohonan kelulusan pelan landskap	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan dibentangkan dalam mesyuarat OSC dalam tempoh 40 hari dari tarikh permohonan dikemukakan di Bahagian Pusat Setempat (OSC) melibatkan <ul style="list-style-type: none"> pemaju perumahan kilang/industri Pusat komersial Institusi pendidikan Rumah ibadat Bangunan persendirian 	<ul style="list-style-type: none"> 100% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2025 Pengukuran Bulanan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Landskap Bahagian Pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan yang telah mendapat keputusan Semua permohonan dibentangkan dalam tempoh 40 hari 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan dituluskan dengan mematuhi ISO dan piagam yang telah ditetapkan. Proses dalaman yang efisien Memenuhi keupuasan hati pelanggan

Program/Proses	Indikator Sasaran	Sasaran (Bil/%)	Tempoh	Jabatan/Bahagian Bertanggungjawab	Output	Outcome
Memproses permohonan lesen komposit	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan lesen diproses dan diluluskan dalam tempoh 30 hari bekerja secara atas talian 	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan sistem MyMBSA 100% Mengguna pakai sistem% 	<ul style="list-style-type: none"> 2021 – 2022 2023 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pelesenan, Seksyen Komposit 	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran lesen komposit 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan diproses mengikut ketetapan
